



## 18 staf sertai Bengkel Latihan Juruaudit Program Profesional UMP

Seramai 18 orang pensyarah dan staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) menghadiri Bengkel Latihan Juruaudit Program Profesional UMP yang diadakan di Bilik Seminar Perpustakaan pada 18 November 2015 yang lalu.

Program anjuran UMP Advanced Education (UAE) itu bertujuan memberi latihan berkenaan dengan proses audit kualiti program pembelajaran sepanjang hayat (PSH) UMP kepada semua juruaudit sedia ada dan yang baharu.

Bengkel dihadiri Timbalan Pengarah, Unit Jaminan Kualiti, Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik, UMP, Dr. Mohd Rusllim Mohamed, Pengarah *Institute Professional Development (IPD) Open University Malaysia (OUM)*, Profesor Madya Yon Rosli Daud dan Pengurus Kanan *Institute Professional Development (IPD) OUM*, Rohaya Ali.

Penasihat Akademik UAE, Profesor Dr. Abdullah Ibrahim berkata, penganjuran bengkel bertujuan memastikan tahap kualiti akademik program yang ditawarkan oleh rakan kerjasama menepati *standard* yang ditetapkan di samping dapat mendedahkan amalan terbaik bagi jaminan kualiti yang dilaksanakan oleh pihak OUM.

“Aspek jaminan kualiti program PSH akan sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memastikan kualiti program profesional adalah memenuhi standard yang ditetapkan dan mencapai tahap yang baik dan memuaskan.

“Pihak UAE amat komited dalam melaksanakan beberapa audit iaitu audit akademik, audit pembelajaran dan pengajaran (P&P) dan audit pengurusan dan pengijazahan. Ini selaras dengan hasrat Majlis Pembelajaran Sepanjang Hayat (MPSH) UMP dalam mengawal kualiti program PSH yang ditawarkan,” katanya.

Tambah beliau, program ini pastinya dapat menyemarakkan lagi program PSH di samping memperluas akses pendidikan kepada umum dan meningkatkan kualiti program PSH.

Ia juga memastikan pelaksanaannya memenuhi Lonjakan 3: Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

